

DASAR DAN PERANCANGAN PENDIDIKAN NEGARA SEJAK 52 TAHUN KEMERDEKAAN MALAYASIA: SATU SOROTAN DAN REFLEKSI

By:

Profesor Dr. Shahril @ Charil bin Hj Marzuki

Abstrak

Dasar dan Perancangan Pendidikan di Malaysia boleh dibahagi kepada lima peringkat; (1) Zaman Sebelum Mencapai Kemerdekaan (i) Dasar Pecah dan Perintah (1786 -1957) dengan Period Awal (1786 - 1941) dan Period Kedua (1941 -1957), (2). Zaman Selepas Mencapai Kemerdekaan, (ii) Dasar Memperkasakan Pendidikan Kebangsaan (1957 - 1970), (3) Dasar Memperkasakan Perpaduan Kaum melalui memperkukuhkan Dasar Pendidikan Kebangsaan (1970 - 1990), (4) Dasar Memperkasakan Pendidikan bertaraf Dunia (1991 - 2000), dan (5) Dasar Melonjakkan Kecemerlangan Pendidikan Bertaraf Dunia (2001 - 2020).

Kata Kunci: ***Dasar, Perancangan Pendidikan, Malaysia.***

A. PENDAHULUAN

Zaman Sebelum Kemerdekaan – Dasar Pecah dan Perintah. Period Awal (1786 – 1941)

Sebelum kedatangan British ke Tanah Melayu, pendidikan awal di negara ini adalah berbentuk tidak formal dan mempunyai kaitan rapat dengan sejarah perkembangan Islam di Tanah Melayu. Kebanyakan pembelajaran *tidak* formal ini dilaksanakan di sekolah-sekolah pondok dan institusi madrasah yang banyak memberi penekanan kepada mata pelajaran Tauhid, Fiqah dan Al-Quran (Shahril Marzuki, 1999). Selepas kedatangan British ke Tanah Melayu, maka wujud dasar sistem persekolahan berbentuk sekolah vernakular.

Sekolah Vernakular

Pada zaman pemerintahan British di Tanah Melayu terdapat empat aliran persekolahan; Sekolah vernakular Melayu, Sekolah Vernakular Cina, Sekolah vernakular Tamil dan sekolah Inggeris Dasar British yang melaksanakan dasar pendidikan secara “Sistem Divide and Rule” adalah untuk memecahkan perpaduan kaum dan Min untuk menebalkan semangat kedaerahan di kalangan rakyat. Begitu juga pegawai British berpendapat pendidikan untuk kaum pribumi khususnya tidak begitu penting kerana British bimbang penyediaan pendidikan kepada mereka akan menimbulkan kesedaran 'tutuk menentang British pada masa itu (Shahril Marzuki 1999).

Namun begitu atas desakan sultan dan para pembesar Melayu, pihak British akhirnya bersetuju menyediakan pendidikan untuk orang Melayu, itupun sekadar pendidikan rendah sahaja yang memberi peminatan kepada belajar membaca, menulis, mengeja, Ilmu Hisab, latihan jasmani dan Ilmu Alam. Selain itu diajar juga ilmu kemahiran rumah kebumah dan temakan.

Oleh itu sekolah Vernakular Melayu yang ditubuhkan oleh pihak British sebenarnya tidak mempunyai matlamat yang dapat memberi keuntungan kepada orang Melayu dan hanya sekadar memenuhi keperluan politik British di samping untuk mengambil hati pembesar Melayu, kerana lulusan sekolah Melayu hanya untuk

memenuhi keperluan tenaga kerja di peringkat rendah dan untuk menjadi pektibun dan nelayan sahaja.

Manakala bagi sekolah Vemakular Cina pula, wujudnya adalah atas usaha masyarakat cina di Tanah Melayu pada masa itu, Penubuhan sekolah ini kebanyakan menumpang di rumah-rumah Muu masyarakat cina, bangunan tokong atau di rumah perniagaan dan penubuhan sekolah itu tidak diganggu oleh pihak British. Namun apabila sekolah-sekolah ini menggunakan kurikulum, buku teks dan •juru guru yang didatangkan dari Tanah Besar China disamping izinku Reformasi Kebudayaan (*Pergerakan 4 Mei*) pada tahun 1919 yang telah memberi pengaruh kepada pentadbiran sekolah-sekolah Vemakular Cina di Tanah Melayu. Ditambah pula dengan perubahan bahasa pengantar dari beberapa dialek tempatan yang diubah ke bahasa Mandarin yang juga menjadi bahasa pengantar rasmi di Negeri China. Perubahan-perubahan ini telah menyebabkan pihak British bimbang sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu akan menjadi wadah propaganda anti kerajaan British, maka pihak British telah meluluskan Dasar Enakmen Pendaftaran Sekolah 1920 yang memberi kuasa undang-undang kepada Jabatan Pelajaran untuk menutup sekolah-sekolah cina yang tidak mengikut syarat dari segi kurikulum dan pengurusan (Ee Ah Meng 1992).

Bagi mengambil hati masyarakat cina pada tahun 1924 pihak British telah memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah cina yang mengikut kehendak mereka. Beralih kepada sekolah Vemakular Tamil pula, pembinaan sekolah-sekolah Tamil berkait rapat dengan pembukaan ladang-ladang getah dan kopi oleh pihak British di Tanah Melayu dan kedatangan pekerja-pekerja dari India adalah bagi kepentingan pihak British. Oleh itu seperti sekolah Vemakular Melayu dasar British terhadap sekolah Vemakular Tamil hanya terhad setakat peringkat pendidikan rendah sahaja dan hanya bertujuan untuk membasmi buta huruf dikalangan anak-anak yang tinggal di ladang-ladang ini (Shahril Marzuki 1999).

Bagi sekolah Inggeris yang terdapat di Tanah Melayu terdapat dua jenis sekolah Inggeris; sekolah Inggeris yang mendapat sepenuh bantuan dari kerajaan dan sekolah Inggeris yang diuruskan dan ditadbir oleh mubaligh Kristian seperti Persatuan Mubaligh London, Mubaligh Methodist, Gereja England dan Mubaligh Romes Katolik yang mendapat separa bantuan dari pihak British. Namun dasar sekolah Inggeris adalah bertujuan untuk menyediakan pendidikan bagi semua kanak-kanak, tanpa mengira bangsa, agama atau kaum, tetapi kebanyakan sekolah Inggeris hanya terdapat di kawasan Bandar Bandar sahaja, walaupun terdapat permohonan untuk menubuhkan sekolah Inggeris di kawasan luar bandar, ia ditolak kerana bertentangan dengan dasar pentadbiran British. Walau bagaimanapun pada akhir tahun 1930an kanak-kanak Melayu dari sekolah Vemakular Melayu boleh memasuki sekolah Inggeris melalui "*Special Malay Class*", tetapi sebilangannya amat kecil, kerana lebih umur, perlu lulus peperiksaan dan kebanyakan sekolah Inggeris hanya terletak di bandar-bandar. Lantaran itu ramai kanak-kanak Cina dan India berpeluang ke sekolah Inggeris baik peringkat persekolahan rendah dan menengah, berbanding dengan kanak-kanak melayu yang hanya dapat belajar setakat sekolah rendah disebabkan dasar dan perancangan pendidikan yang disediakan oleh kerajaan British di Tanah Melayu.

Walaupun bagaimanapun pihak British di Tanah Melayu telah menubuhkan sekolah 'elite' iaitu Maktab Melayu, Kuala Kangsar (MCKK) pada tahun 1905, untuk menampung golongan anak-anak bangsawan melayu,

namun sebahagian besar anak-anak melayu yang mempunyai cita-cita tinggi yang lain, tidak mendapat peluang untuk memasuki sekolah Inggeris seumpama ini (Shahril et al. 1999).

Period kedua (1946 – 1957)

Laporan Barnes (1949)

Selepas tamat Perang Dunia Kedua pada tahun 1946, Pihak British kembali semula ke Tanah Melayu, tetapi kesan daripada Penjajahan Jepun telah berjaya membangkitkan kesedaran di kalangan penduduk melayu ke atas semangat nasionalisme dan kepentingan pendidikan terhadap keutuhan bangsa mereka. **Menyedari** perkara ini pada tahun 1949 pihak British telah menubuhkan Jawatankuasa Barnes bagi menyemak kedudukan pendidikan orang melayu dan menyemak semula kedudukan semua sekolah vernakular dan menggantikannya dengan satu jenis sekolah kebangsaan bagi semua kaum (Shahril Marzuki 1999). Sekolah tersebut ini nanti akan hanya menggunakan Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan salah satu bahasa (iaitu Cina atau Bahasa Tamil) akan digunakan sebagai bahasa kedua. Rancangan menggunakan bahasa pengantar Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ialah untuk mencapai perpaduan di kalangan semua kaum pelbagai kaum (Ee Ah Meng 1992, Wong Hoy Kee & Ee liang Hong, 1975).

Laporan Fenn-Wu (1951)

Kesan daripada Laporan Barnes telah menimbulkan persangkaan di kalangan masyarakat Cina kerana mereka merasakan penurunan penggunaan bahasa dan budaya mereka di sekolah-sekolah ini bukan terdugut. Oleh demikian pihak British terpaksa melayani permintaan masyarakat Cina dengan menubuhkan Jawatankuasa Fenn-Wu pada 1951 dan menghasilkan Laporan Fenn-Wu yang bertujuan untuk mempertahankan kedudukan sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu (Shahril Marzuki, 1999).

Ordinan Pelajaran 1952

Ekoran daripada Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu yang mempunyai perbezaan pendapat yang sangat ketara tentang dasar dan perancangan pendidikan Tanah Melayu maka kerajaan British telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji kedua-dua laporan tersebut dan telah diluluskan, oleh Majlis Perundangan dan Perundangan pada 1951 sebagai Ordinan Pelajaran 1952.

Antara cadangan yang terdapat dalam Ordinan Pelajaran 1952 ialah:

1. Dua jenis sistem persekolahan hendaklah diwujudkan; satu jenis sekolah yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan satu jenis sekolah lain yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
2. Pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil akan disediakan jika terdapat 15 orang murid yang ingin belajar bahasa ibunda mereka.
3. Bahasa Melayu adalah wajib di sekolah Inggeris, manakala Bahasa Inggeris adalah wajib di sekolah Melayu (Shahril Marzuki 1999, EeAhMeng 1992)

Walau bagaimanapun cadangan dalam Ordinan Pelajaran 1952 tersebut tidak dapat dijalankan

sepenuhnya kerana; menghadapi beberapa masalah seperti ;

- a. Kekurangan kewangan bagi melaksanakan perancangan pendidikan seperti yang dicadangkan dari ordinan berkenaan
- b. Masalah kekurangan guru terlatih terutama di sekolah kebangsaan.
- c. Tentangan kuat dari kaum Cina dan India kerana soal bahasa pengantar di sekolah Cina dan sekolah Tamil (Shahril Marzuki 1999)

Laporan Razak

Dalam pilihanraya 1955, Parti Perikatan di Tanah Melayu telah berkuasa dan dengan serta merta menunaikan janjinya untuk mengeluarkan satu sistem pelajaran yang sama bagi semua kaum , maka dengan ini terbentuk Jawatankuasa Pendidikan 1956 yang mengemukakan Laporan Razak seperti berikut;

“Tujuan dasar pendidikan di dalam negara ini adalah untuk menyatukan budak-budak dari semua bangsa dalam negara ini dengan menggunakan satu peraturan pendidikan yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama. ”

(Laporan Razak dalam Suffean Hussin 1996)

Oleh yang demikian antara cadangan-cadangan yang termaktub dalam laporan Razak yang akan menjadi dasar dan perancangan pendidikan negara pada masa itu ialah:

- 1) Bahasa Melayu akan menjadi bahasa kebangsaan dan menjadi bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah.
- 2) Persamaan sukatan pelajaran bagi semua sekolah di Tanah Melayu.
- 3) Dasar pelajaran adalah diarah oleh Menteri Pelajaran yang juga bertanggungjawab atas pelajaran menengah dan latihan guru.
- 4) Guru-guru akan dilatih di bawah program yang sama dan skim perkhidmatan yang sama.
- 5) Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris diwajibkan bagi semua sekolah rendah dan menengah.
- 6) Sekolah rendah ditukar kepada sekolah umum (bahasa pengantarnya Bahasa Melayu) dan sekolah jenis umum (bahasa pengantar Bahasa Tamil, Kao Yu).
- 7) Penubuhan satu jenis sekolah menengah kebangsaan yang terbuka kepada semua bangsa, menggunakan satu sukatan pelajaran yang sama dan satu kurikulum yang boleh di masukkan pelajaran semua bangsa dan kebudayaan Tanah Melayu.

Razak telah diterima oleh Majlis Perundangan. Persekutuan dan telah disahkan oleh Ordinan Pelajaran Tahun 1957. Oleh yang demikian, matlamat Laporan Razak adalah untuk menggariskan sistem persekolahan yang sama bagi semua kanak- kanak di Tanah Melayu dengan kurikulum yang sama dari segi isi kandungannya serta bercorak kebangsaan dengan penekanan terhadap penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar demi *untuk* mewujudkan perpaduan nasional (Laporan Razak dalam Shahril Marzuki 1999).

Zaman Selepas Kemerdekaan - Dasar Memperkasakan Pendidikan Kebangsaan Period dari Tahun 1957-1970

Pada fasa pertama *zaman selepas kemerdekaan ini dasar* dan perancangan pendidikan negara banyak dipengaruhi oleh Dasar Pembangunan Negara terutama yang termaktub dalam Rancangan Malaya Pertama, (1957 - 1960) Rancangan Malaya Kedua (1961 - 1965) dan Rancangan Malaysia Pertama (1966 - 1970). Oleh yang demikian perakuan-perakuan dalam Laporan Razak (1956) telah dikaji semula oleh Jawatankuasa Abd Rahman Talib pada tahun 1960. Laporan jawatankuasa ini menjadi asas kepada penggubalan Akta Pelajaran 1961, yang menggariskan dasar bahawa Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama bagi semua peringkat pendidikan serta penggunaan kurikulum bagi peperiksaan yang sama untuk semua pelajar (Akta Pelajaran, 1961).

Dari segi dasar dan perancangan pendidikan pula, Akta Pelajaran 1961 adalah bermulanya dasar pendemokrasian pendidikan, dimana pihak kerajaan memberi penekanan kepada pendidikan percuma untuk semua pelajar. Kenaikan darjah secara automatik, dan menaikkan had umur berhenti sekolah kepada umur 15 tahun (Akta Pelajaran, 1961). Dengan ini wujud dasar memberikan pendidikan universal selama sembilan tahun apabila peperiksaan pemilihan masuk ke sekolah menengah dihapuskan pada tahun 1964, dan dasar kenaikan darjah secara automatik diperkenalkan. Dengan ini kadar penyertaan pelajar ke sekolah menengah terus meningkat dan kerajaan terpaksa membuat perancangan bagi membina lebih banyak sekolah-sekolah menengah di bandar dan di luar bandar. misalnya pada tahun 1960 bilangan pelajar sekolah menengah meningkat dari 98,960 kepada 275,360 orang pelajar pada tahun 1965, dan ianya terus meningkat kepada 738,000 orang pelajar pada tahun 1970 (Kerajaan Malaysia ,1985). Selain pembinaan lebih banyak sekolah vokasional dan teknik bagi menampung peningkatan tempat dalam jurusan vokasional dan teknik disebabkan pengenalan dasar pendidikan iaitu pendidikan sekolah aneka jurusan yang diperkenalkan pada 1965 berasaskan kepada Laporan Aminuddin Baki (Shahril Marzuki, 1999).

Dasar Memperkasakan Perpaduan Kaum Melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan. Period (1970-1990)

Konflik antara kaum di negara ini telah mencetuskan pergaduhan kaum pada peristiwa 13 Mei 1969. Tragedi tersebut telah memberikan keinsafan dan pengajaran kepada kerajaan akan perlu dan pentingnya mewujudkan perpaduan antara kaum. Dengan ini kerajaan telah menggubal “Dasar Ekonomi Baru” dan “Rukun Negara”. Dasar dan perancangan pendidikan juga digubalkan berasaskan semangat serta aspirasi DEB dan Rukun Negara, misal dalam Perancangan dan Dasar Pendidikan dalam tempoh 1970 - 1980 berfokus Rancangan Malaysia Kedua (Malaysia Kedua, 1971 - 1975) yang memberi penekanan kepada:

“memperkuhkan sistem pendidikan bagi menggalakkan intergrasi nasional dan mempertingkatkan mutu pendidikan bagi membina masyarakat progresif berasaskan sains dan teknologi

(RMK Kedua, 1971)

Berasaskan (RMK Kedua, 1971 - 1975) Dasar dan Perancangan Pendidikan Negara memberi penekanan kepada;

1. Penyatuan sistem pelajaran bagi memupuk perpaduan negara.

2. Menyesuaikan dan memperluaskan rancangan pelajaran dan latihan bagi memenuhi keperluan-keperluan dari segi tenaga rakyat.
3. Untuk meningkatkan mutu pelajaran untuk membentuk satu masyarakat yang maju yang berasaskan sains dan teknologi moderi. (Kerajaan Malaysia, 1971).

Bagi mencapai dasar penyatuan sistem pelajaran bagi memupuk perpaduan kaum di negara ini, kerajaan telah melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah secara berperingkat-peringkat, membina lebih banyak sekolah terutama di kawasan luar bandar bagi mengurangkan jurang perbezaan dalam peluang-peluang pelajaran di antara kawasan dan kaum, dan mencantumkan sistem pelajaran di Sabah dan Sarawak dengan Sistem Pelajaran Kebangsaan (Shahril Marzuki, 1999).

Manakala bagi mencapai Dasar Pendidikan kedua dan ketiga seperti di atas, kerajaan telah membina lebih banyak sekolah vokasional dan teknik bagi menampung pendidikan pelajar, kerajaan juga telah membina politeknik-politeknik dan menambah bilangan universiti tempatan di negara ini. Manakala dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976 -1980) penekanan adalah kepada:

“Untuk membasmi kemiskinan, meneruskan usaha untuk menyusun semula masyarakat dan memperkukuhkan lagi keselamatan negara.”

(RMK Ketiga, 1970)

Berdasarkan kepada RMK Ketiga ini dasar dan Perancangan Pendidikan negara adalah:

1. Memperkukuhkan lagi sistem pelajaran bagi memupuk penyatuan dan perpaduan negara menerusi pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai pengantar utama di semua peringkat persekolahan, membentuk keperibadian Malaysia, merapatkan jurang perbezaan dan peluang-peluang pelajaran di antara kaya dan miskin, serta
2. Antara wilayah dan antara kaum melalui pembahagian sumber dan kekayaan negara dengan saksama.
3. Menyatukan sistem pelajaran di Sabah dan Sarawak dengan sistem pelajaran kebangsaan secara beransur-ansur.
4. Memperbaiki mutu pelajaran bagi mengurangkan keciciran dan menambahkan kesannya kepada pembangunan negara.
5. Menyesuaikan dan memperluaskan sistem pelajaran dari latihan kearah keperluan negara.

Dalam RMK Ketiga, ini kerajaan meneruskan dasar DEB dan dasar melaksanakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar secara berperingkat-peringkat bermula di sekolah rendah, diikuti sekolah menengah hinggalah ke peringkat universiti iaitu bermula pada 1982 di Semenanjung Malaysia dan Sabah, manakala di Sarawak mulai 1990. manakala penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua tetap diteruskan. Walau bagaimanapun selaras dengan Akta Pelajaran 1961. Sekolah rendah kerajaan dan sekolah separa bantuan kerajaan yang menggunakan Bahasa Cina atau Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar terus dikekalkan.

Pada September 1974, kerajaan persekutuan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet bagi *mengkaji semula* pelaksanaan sistem pelajaran bagi mengukuhkan dan memperkasakan Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Pada tahun 1979, Jawatan kuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran yang antara lain memperakukan supaya penekanan adalah diberikan kepada pendidikan peringkat menengah dari segi pelajaran teknik dan vokasional dan perdagangan terutama di peringkat menengah atas. Matematik, Sains dan bahasa dan aktiviti-aktiviti kurikulum. Apa yang jelas dalam laporan itu adalah satu cadangan untuk mewujudkan kurikulum dan pendekatan baru dalam pengajaran - pembelajaran di sekolah menengah dan rendah yang dikenali sebagai Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang memberi penekanan kepada pendidikan asas yang memberi penegasan kepada 3M (membaca, mengira dan menulis) (Shahril Marzuki, 1999, Ee Ah Meng, 1992).

Maka KBSR telah dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah mulai 1983 diikuti pula dengan KBSM pada tahun 1989. Bagi mengukuhkan sistem pendidikan negara, kerajaan juga telah menggubal Falsafah Pendidikan Kebangsaan pada 1988. Falsafah ini menekankan pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu bagi membentuk pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

*"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, dan berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan keupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara **

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988, hlmn 6)

Selepas tahun 1980 sehingga 1990, dasar dan perancangan pendidikan di Malaysia adalah meneruskan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pendidikan Kebangsaan, ini dapat dilihat di dalam matlamat- matlamat pendidikan dalam Rancangan Lima Tahun Pembangunan Negara, seperti dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981 -1985)

"Program pendidikan dan latihan akan terus dipergiatkan ke arah memupuk perpaduan negara dan meningkatkan penyertaan semua rakyat Malaysia dalam pembangunan negara. Dasar menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dilaksanakan sepenuhnya di peringkat menengah di Semenanjung Malaysia pada tahun 1982 serta Sarawak dan Sabah pada tahun 1990."

(Kerajaan Malaysia, 1981)

Begitu juga dasar dan perancangan pendidikan adalah untuk mewujudkan perpaduan dan memperbaiki ketidak seimbangan anantara kaum dari segi ekonomi maka dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986 -1990) dasar dan matlamat pendidikan adalah:

"Matlamat pendidikan adalah untuk memupuk perpaduan negara, melahirkan orang perseorangan yang berpengetahuan, terlatih dan mahir untuk memenuhi keperluan tenaga manusia dan sosial yang semakin

bertambah

(Kerajaan Malaysia, 1986)

Berdasarkan pernyataan di atas maka dapat dirumuskan bahawa dalam mewujudkan perpaduan kaum di Malaysia, maka dasar dan perancangan pendidikan di Malaysia adalah berasaskan kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB) Rukun Negara, dan dasar menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di semua peringkat persekolahan dari sekolah rendah sehingga di peringkat universiti baik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, selain untuk melahirkan guna tenaga manusia terlatih yang diperlukan oleh sektor awam dan sektor swasta dengan harapan akan wujud keseimbangan antara kaum dari segi pekerjaan dan pendidikan.

Dasar Memperkasakan Pendidikan Bertaraf Dunia Period 1991 - 2000

Seterusnya dalam period 1991- 2000 ini, dasar dan perancangan pendidikan banyak dipengaruhi oleh Dasar Kerajaan dan Dasar Pembangunan Negara, seperti Wawasan 2020, yang ingin menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian, sekali gus negara maju menjelang 2020.

“Malaysia boleh menjadikan negara maju dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat demokratik, liberal dan bertolak ansur penyayang dan adil daripada segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur dan mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang bersaing dinamik, giat dan kental

(Wawasan 2020 dalam Shahril Marzuki, 1999)

Oleh itu sumber manusia terlatih merupakan aset penting negara, maka pembangunan sumber manusia yang berkualiti dan berkemahiran boleh tercapai melalui dasar dan sistem pendidikan yang baik merupakan jaminan yang kukuh bagi memenuhi hasrat wawasan negara untuk mewujudkan sebuah negara perindustrian maju dengan ciri-ciri dan nilai-nilai unggulnya tersendiri menjelang /020 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999).

Dasar dan matlamat pendidikan yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991 - 1995) juga adalah untuk membangunkan sumber tenaga manusia yang terlatih, di samping mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh;

“Pendidikan dan latihan akan terus dimaju dan ditingkatkan, bukan sahaja untuk melengkapkan individu dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai, tetapi juga untuk melahirkan warganegara yang bertanggungjawab serta mempunyai moral dan nilai-nilai dan etika yang kukuh. Disamping itu, program berkenaan akan membantu membentuk tenaga kerja yang mempunyai kebolehan teknik yang akan meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia.”

(Kerajaan Malaysia, 1991, m.s. 173)

Begitu juga dalam dasar pembangunan negara dalam jangka panjang yang dikenali sebagai Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP: 1991 - 2000) matlamat dan dasar pendidikan adalah untuk melahirkan warganegara yang mempunyai imbalan bersesuaian dengan pengetahuan *dan kemahiran* dengan penumpuan terhadap sains dan teknologi, nilai-nilai rohani dan moral yang tinggi, rasa tanggungjawab, berdaya cipta, mudah lentur diri dan berupaya memberi sumbangan berkesan kepada pembangunan negara yang harmoni, makmur dan bersatu (Kerajaan Malaysia, 1991, m.s. 162).

Dalam era ini juga sektor pendidikan telah berkembang pesat baik di *peringkat pendidikan rendah, menengah dan tinggi*, di mana pihak kerajaan menggalakkan penglihatan sektor swasta di dalam pendidikan terutama di peringkat pengajian tinggi, dan dasar kerajaan yang mahu sektor pendidikan bertaraf dunia yang berteraskan kepada misi Kementerian Pendidikan berbunyi

“membangunkan sistem pendidikan berkualiti yang bertaraf dunia bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara Malaysia. ”

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999)

Oleh yang demikian .Malaysia yang akan menjadi *Center of Education Excellence* dimana kerajaan ingin menarik lebih ramai pelajar asing belajar di Malaysia maka kerajaan perlu mewujudkan beberapa akta bagi mengawal Pelaksanaan Dasar dan Sistem Pendidikan Kebangsaan di perkukuhkan dalam proses pendidikan bertaraf dunia. Antaranya menggubal Akta Pendidikan 1996, bagi menggantikan Akta Pendidikan 1961. Di antara perkara-perkara yang penting dalam Akta Pendidikan 1996 yang menjadi dasar dan perancangan pendidikan pada masa kini ialah.

Di antara **Perakuan Akta** Pendidikan 1996 iaiah Bahasa Melayu dikekalkan sebagai bahasa pengantar utama untuk semua institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan.

Sistem Pendidikan Kebangsaan merangkumi:

1. Pendidikan Prasekolah Pendidikan Rendah Pendidikan Menengah Pendidikan Lepas Menengah Pendidikan Tinggi
2. Meningkatkan tempoh persekolahan *dari 9 tahun* kepada 11 tahun (sehingga Tingkatan 5).
3. Jika bahasa pengantar utama disesuatu institusi pendidikan adalah berlainan daripada Bahasa Melayu, ia hendaklah diajar sebagai mata pelajaran yang wajib.
4. Mewajibkan semua tadika kerajaan dan swasta mengikut *Garis Panduan Kurikulum Pra-sekolah yang disediakan oleh* Kementerian Pendidikan.
5. Memperkenalkan satu Kurikulum Kebangsaan yang wajib digunakan oleh semua sekolah, termasuk sekolah swasta.
6. Menubuhkan Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan untuk memberi nasihat menteri.

Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996

Selain Akta Pendidikan 1996, kerajaan juga telah menggubal Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996,

dengan tujuan untuk meluaskan peluang kepada pelajar untuk mendapat pendidikan tinggi di Malaysia dengan membenarkan penubuhan universiti dan kolej swasta yang akan dapat mengurangkan bilangan pelajar melanjutkan pelajaran mereka ke luar negara dan juga menggalakkan pelajar dari luar negara belajar di Malaysia terutama di Universiti dan kolej-kolej Swasta. Dengan wujudnya akta ini dasar kerajaan adalah untuk membolehkan pihak Kementerian Pendidikan mengawal setia penubuhan, pengurusan dan perkembangan institusi pendidikan swasta tersebut, sejajar dengan Dasar Pendidikan Negara (Mok Soon Sang, 2003). Lain-lain perundangan yang diluluskan oleh kerajaan pada masa itu bagi mengawal pelaksanaan dasar pendidikan negara melalui penguatkuasaan undang-undang yang menjadi Dasar Pendidikan ialah:

- Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996
- Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara 1996 (Pindaan 2000)
- Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996
- Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1996
- Akta Institusi Teknologi MARA (Pindaan) 2000.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001)

Dasar Melonjakkan Kecemerlangan Pendidikan bertaraf Dunia (Dari 2001 -2010)

Manakala dasar dan perancangan pendidikan pada 2001 - 2010 adalah berasaskan kepada Dasar Pembangunan Negara, seperti yang terdapat Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001 - 2010) (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Kelapan (2001 - 2005, RM Ke-8). Maka Dasar Pembangunan Pendidikan 2001 - 2010 antara lain adalah bermatlamat bagi menyediakan peluang pendidikan berkualiti kepada semua warganegara Malaysia, bermula dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat universiti dirangka berteraskan kepada akses, ekuiti dan kualiti pendidikan serta kecekapan dan keberkesanaan pengurusan pendidikan. Pembangunan pendidikan ini juga diperkukuh dan diperlengkap dengan pembangunan program sokongan dan pembiayaan serta pembangunan pengurusan pendidikan dan ICT (KPM, 2001). Oleh itu antara dasar perancangan pendidikan bagi melonjakkan kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia adalah:

1. Semua guru di sekolah menengah adalah guru siswazah menjelang tahun 2005, dan 50% guru sekolah rendah adalah guru siswazah menjelang tahun 2010.
2. Kanak-kanak berumur 5 tahun perlu disediakan pendidikan pra sekolah dengan mewajibkan penggunaan kurikulum kebangsaan prasekolah (KKP) bagi semua pusat pendidikan prasekolah.
3. Mempastikan kualiti pendidikan prasekolah dan rendah mempunyai guru yang berkualiti dan mencukupi serta meningkatkan kemudahan asas, meningkatkan kualiti P&P yang mengintegrasikan ICT, peluasan sekolah Bestari.
4. Meningkatkan peratus ekuiti dalam pendidikan menengah, dengan menambah bilangan sekolah Berasrama Penuh (SBP) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah TeknikA/okasional (SMTA/).
5. Kualiti pendidikan sekolah menengah perlu ditingkatkan yang meliputi aspek infrastruktur, pendidikan

sains dan teknologi, penguasaan pelajar dalam bahasa Inggeris, bahan bantu mengajar dan lain-lain.

Lain-lain dasar dan perancangan pendidikan yang diperkenalkan oleh kerajaan pada era ini adalah:

- i) Melaksanakan pendidikan wajib pendidikan rendah yang dilaksanakan secara berperingkat mulai Tahun 1 pada 2003.
- ii) Memperkukuhkan lagi program Bimbingan dan Kaunseling dengan memperuntukan seorang kaunselor bagi setiap 500 orang pelajar mulai tahun 2003.
- iii) Melaksanakan pengajaran-pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris mulai tahun 2003.
- iv) Pemberian Bantuan One-Off RM120.00 kepada murid sekolah rendah daripada keluarga miskin pada tahun 2002/2003, dan bantuan ini diganti dengan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) mulai 2001.
- v) Mata pelajaran Vokasional (MPV) diperkenalkan di SMK *harian* pada tahun 2001.
- vi) Program pemulihan dimantap dengan memperuntukan guru pemulihan.
- vii) Program J-OAF diperkenalkan mulai 2005.
- viii) Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri didaftar sebagai sekolah agama bantuan kerajaan mulai 2005.

Plan Induk Pembangunan Pendidikan (2006 -2010)

Pada 16 Januari 2007 Kementerian Pelajaran telah melancarkan Plan Induk Pembangunan Pendidikan (2006 - 2010) (PIPP) yang akan menjadi dasar dan perancangan Pendidikan mulai 2006 - 2010. PIPP mengaliskan enam strategik utama iaitu:

i) Membina Negara Bangsa

Dengan memberi penekanan kepada membina negara Malaysia dengan rakyat yang bersepadu, bersifat patriotik, dan bangga sebagai bangsa Malaysia melalui

- meningkatkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan
- memberi kefahaman tentang isi kandungan dan keperluan Islam Hadhari.

ii) Membangunkan Modal Insan

Dengan memberi fokus kepada pembangunan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran yang mempunyai nilai yang kuat melalui

- mempunyai kemahiran belajar dan kompeten di kalangan pelajar dengan menguasai mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik
- memperkuat kurikulum
- mempertingkatkan konsep sekolah Bestari.

iii) Memperkasakan Sekolah Kebangsaan

Dengan memberi fokus kepada sekolah kebangsaan sebagai pilihan utama tanpa mengorbankan sekolah-sekolah jenis kebangsaan *yang lain melalui*

- mempertingkatkan kepimpinan sekolah

- membangunkan infrastruktur sekolah
- memperkembangkan program prasekolah

iv) Merapatkan Jurang Pendidikan

Dengan memberi fokus kepada merapatkan jurang pendidikan dari segi lokasi, *sosio-ekonomi status (SES)*, dan memberi peluang kepada semua pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan melalui memperbaiki infrastruktur dan keperluan asas sekolah-sekolah luar bandar menambahkan bilangan guru terlatih terutama di sekolah luar bandar mempertingkatkan sistem penyampaian kepada pelajar-pelajar miskin, pelajar berkeperluan khas dan kumpulan minoriti.

v) Memertabatkan Profesi Keguruan

Dengan memberi fokus kepada melahirkan guru yang berkualiti melalui mempertingkatkan pemilihan guru mempertingkatkan latihan penjuruan memperbaiki prospek dan kerjaya guru, memperbaiki suasana kerja dan kebajikan guru.

vi) Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan

Dengan memberi fokus kepada mempertingkatkan kecemerlangan supaya menjadi sekolah contoh melalui: Mempastikan kepimpinan yang efektif.

Memberi kuasa autonomi kepada sekolah kluster dalam bidang tertentu.

Mewujudkan sistem kepertanggungjawaban.

Mewujudkan satu piawai (*bench marks*) sekolah sebagai panduan kepada negara menjadikan status sebagai negara maju.

(Berita Harian, 16 Jan 2007)

Plan Induk Pembangunan Pendidikan (2006 - 2010) (PIPP) memberi penekanan kepada dasar membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasakan sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memertabatkan profesi kegunaan, dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan. PIPP digubalkan berdasarkan *Plan Pembangunan Pendidikan (2001 - 2010)* dan Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 - 2010) Terutama Teras Kedua:

“meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama; melalui meningkatkan akses dan kualiti sistem pendidikan di semua peringkat, menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan, Melahirkan institusi tertiar bertaraf antarabangsa, Memupuk keupayaan penyelidikan dan pembangunan serta saintifik dan inovasi yang berkualiti tinggi, memperkasa wanita dan belia, dan menyemai nilai mumi dalam masyarakat

(Kerajaan Malaysia, 2006 hlm 30-34)

Oleh itu Dasar dan Perancangan Pendidikan Malaysia di masa depan adalah digubal berdasarkan Wawasan 2020, Dasar Pembangunan Pendidikan (2000 - 2010), Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 - 2010) dan Plan Induk Pembangunan Pendidikan (2006 - 2010) (PIPP), walau bagaimanapun;

1. Apakah semua strategik utama yang dirancang dalam PIPP dapat dilaksanakan dalam masa yang singkat ini?
2. Apakah dasar dan perancangan pendidikan Negara selepas PIPP ini ?.
3. Dapatkan kepelbagaian jenis sekolah rendah (SK, S KA, SJK (C), SJK (T), dapat mempupuk dan mewujudkan perpaduan kaum di peringkat kanak kanak ?
4. Dapatkan Sekolah Kebangsaan yang akan diperkasakan menarik minat pelajar pelajar dari kaum Cina dan India belajar di sekolah tersebut ?.

Kesimpulan

Dasar dan Perancangan Pendidikan di Malaysia boleh dibahagi kepada dasar ‘Pecah dan Perintah’ terutama pada sebelum kemerdekaan Malaysia, manakala selepas kemerdekaan terdapat empat dasar iaitu Dasar memperkasakan Pendidikan Kebangsaan (Tahun 1957 -1970), Dasar memperkasakan Perpaduan kaum melalui memperkukuhkan dasar Pendidikan Kebangsaan (1971- 1990), Dasar Memperkasakan Sektor Pendidikan bertaraf Dunia (Tahun 1991 — 2000), dan akhir sekali Dasar melonjakkan Kecemerlangan pendidikan bertaraf Dunia (Tahun 2001 - 2010). Dengan adanya dasar dasar dan perancangan pendidikan *yang sistematik dan* di perkukuhkan dengan system ekonomi yang mantap dan perpaduan kaum yang baik maka Malaysia telah dapat memperkasakan pendidikan bertaraf dunia.

DAFTAR PUSTAKA

- Ee Ah Meng (1992), *Pendidikan di Malaysia untuk Gum Pelatih*, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1980), *Laporan Jawatankuasa Kabinet, Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran 1979*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan (1988), *Falsafah Pendidikan Negara dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Mengah Malaysia*, Kuala Lumpur, PPK.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1995), *Laporan Tahunan 1995*, Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1996), *Akta Pendidikan 1996*, Kuala Lumpur, Percetakan Nasional.
- Kerajaan Malaysia (1966), *Rancangan Malaysia Pertama, 1966 - 1970*, Kuala Lumpur, Percetakan Negara.
- Kerajaan Malaysia (1971), *Rancangan Malaysia Kedua (1971 - 1975,,)* Kuala Lumpur, Percetakan Negara.
- Kerajaan Malaysia (1976), *Rancangan Malaysia Ketiga (1976 - 1980)*, Kuala Lumpur, Percetakan Negara.
- Shahril Marzuki dan Habib Mat Som (1999), *Isu Pendidikan Di Malaysia; Sorotan dan Cabaran*, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Shahril Marzuki, Saedah Siraj, Zainun Ishak dan Lee Pau Wing (1998), *Pendidikan Di Malaysia*, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Sufean Hussin (1996), *Pendidikan Di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka.

Wong Hoy Kee dan Ee Tiang Hong (1975), *Education in Malaysia*, Kuala Lumpur Heinemann Educational Books (Asia).

Profesor Dr. Shahril @ Charil bin Hj Marzuki adalah Pengarah pada Institut Pengajian Kepengetuan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur